

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HIS 304 Sistem Kehakiman Islam

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab TIGA [3] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Firman Allah Ta'ala; maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jadilah kamu orang-orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau terhadap ibu bapa dan kaum kerabatmu ..."

(Surah al-Nisa': 135)

Ayat di atas jelas memerintahkan orang-orang yang beriman supaya memberi perhatian yang serius terhadap persoalan keadilan. Terangkan usaha-usaha para pemimpin Islam pada zaman Rasul Allah s.a.w. dan Khulafa' al-Rasyidin untuk melaksanakan perintah al-Qur'an ini. Perkuatkan hujah-hujah anda dengan menyebut maksud nas-nas lain yang berkaitan serta peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam sejarah.

2. Beberapa perkembangan tertentu telah berlaku kepada Sistem Kehakiman Islam pada zaman Abbasiyyah. Nyatakan apakah perkembangan yang dimaksudkan itu serta bincangkan aspek-aspek positif dan negatifnya.
3. Sebutkan semua syarat yang diperlukan bagi seorang hakim pada pandangan al-Mawardi, kemudian bincangkan secara kritis tiga[3] daipadanya.

4. Wilayat al-Mazalim adalah salah satu bentuk pengadilan Islam yang pernah dipraktikkan di dalam sejarah. Terangkan mengenainya dari aspek-aspek berikut:
 - (a) Tujuan pembentukannya serta cara-cara untuk mencapai tujuan ini,
 - (b) Bidang-bidang tugasnya dan
 - (c) Contoh-contohnya di dalam sejarah.
5. Di dalam Sistem Kehakiman Islam terdapat cara-cara tertentu untuk mensabitkan sesuatu dakwaan. Sebutkan cara-cara tersebut, kemudian huraikan dua [2] daripadanya.

-ooooOOOooo-